AUTHOR: Mohd. Radzi Mohd. Zin SECTION: DLM NEGERI PAGE: 2 PRINTED SIZE: 310.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 12,725.00 ITEM ID: MY0050656615

09 DEC, 2022

Pastikan bekalan makanan cukup

Utusan Malaysia, Malaysia

Minda Pengarang

MOHD. RADZI MOHD. ZIN

Pastikan bekalan makanan cukup

RANGKAIAN Global Menentang Krisis Makanan (GNAFC) dalam Laporan Global tentang Krisis Makanan (GRFC) 2022 berkata, hampir 193 juta manusia tidak mempunyai jaminan bekalan makanan dan memerlukan bantuan segera iaitu meliputi 53 negara dan wilayah.

Jaminan bekalan makanan wujud apabila semua manusia pada setiap masa mempunyai akses fizikal dan ekonomi untuk makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan pemakanan serta keutamaan makanan untuk hidup yang aktif dan sihat

Namun, menurut Bank Dunia sehingga 5 Mei lalu, Indeks Harga Pertanian dunia meningkat 41 peratus berbanding Januari 2021. Harga jagung dan gandum juga meningkat masing-masing 54 peratus dan 60 peratus dalam tempoh sama.

Negara kita juga sedang berhadapan masalah ketiadaan bekalan telur ayam, ayam segar dan minyak masak peket. Hal ini terus membelenggu dan meresahkan rakyat hingga mencetuskan kebimbangan mereka berisiko berdepan krisis makanan jika ia tidak ditangani segera.

Hakikatnya, kekurangan makanan juga boleh menimbulkan keadaan huru-hara dalam negara.

Ini antara cabaran yang mesti ditangani oleh Kerajaan Perpaduan di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Bagi rakyat, tidak ada gunanya setakat nama Malaysia gah di persada dunia jika rakyat tidak cukup makan dan inflasi melambung tinggi.

Malaysia perlu mencontohi Thailand dalam aspek pertanian. Thailand misalnya adalah antara pengeksport terbesar beras dan 40 peratus daripada keseluruhan rakyatnya terlibat dengan bidang pertanian berbanding hanya 16 peratus rakyat Malaysia terlibat dalam sektor itu.

Negara Mesir juga adalah antara yang boleh kita contohi di mana masyarakatnya mengamalkan sektor pertanian dalam skala besar. Walaupun lebih 1 juta kilometer persegi wilayah Mesir adalah gurun dan kawasan yang boleh didiami manusia kurang 40,000 kilometer persegi, ia menjadi pengeluar utama gula, sayur-sayuran, buah-buahan dan minyak zaitun.

Persepsi terhadap bidang pertanian perlu diperbetulkan. Seharusnya ia menjadi bidang yang dibanggakan untuk diceburi. Demikianlah di Australia. Golongan petaninya bangga kerana merekalah yang menjamin cukupnya bekalan makanan untuk kegunaan domestik malah turut dieksport.

Sebenarnya, Malaysia tidak kurang pakar dalam bidang pertanian. Kita ada universiti khusus iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Apa yang perlu dilakukan adalah menggembleng tenaga pakar untuk memajukan lagi sektor pertanian. Matlamatnya, meningkatkan tahap sara diri dan mengurangkan import makanan. Jangan 'matikan' kajian pakar-pakar di universiti sahaja sebaliknya ia perlu dikomersialkan.

Agensi seperti FAMA, Felcra Berhad dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) pula boleh memainkan peranan membantu dalam industri penternakan dan pertanian.

Selain itu, kerajaan juga perlu menghapuskan penguasaan ekonomi oleh kartel yang menjadikan mereka sangat berkuasa dalam mengatur permintaan dan penawaran khususnya harga ayam.

Mohd. Radzi Mohd. Zin ialah Pengarang Berita *Utusan Malaysia*

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

09 DEC, 2022

Pastikan bekalan makanan cukup

Utusan Malaysia, Malaysia

SUMMARIES

RANGKAIAN Global Menentang Krisis Makanan (GNAFC) dalam Laporan Global tentang Krisis Makanan (GRFC) 2022 berkata, hampir 193 juta manusia tidak mempunyai jaminan bekalan makanan dan memerlukan bantuan segera iaitu meliputi 53 negara dan wilayah.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.